

04 SEP 1996  
Sarawak-Kedayan (Fokus Pilihan Raya)  
UNDI KAUM KEDAYAN JADI REBUTAN

Oleh: Mawi Taip

MIRI, 4 Sept (Bernama) -- Hasan Bungsu, 71, mungkin sebaya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan mempunyai ketokohan tersendiri sebagai pemimpin.

Ketika Dr Mahathir membawa negara ke mercu kejayaan dan disegani di seluruh dunia, Hassan hanyalah seorang ketua kampung bagi Kampung Opak yang mengandungi 2026 rumah dengan penduduk seramai 100 orang.

Kesemua penduduk Kampung Opak ialah daripada kalangan masyarakat Kedayan, satu daripada suku kaum minoriti di Sarawak yang dipercayai berasal dari Brunei.

Kampung Opak ialah antara beberapa kampung suku Kedayan yang terdapat dalam kawasan pilihan raya Lambir. Penduduknya akan sama-sama turun untuk memilih wakil rakyat ke Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya hujung minggu ini.

Mengikut perangkaan tidak rasmi, terdapat 20,000 orang dari kaum Kedayan dalam kawasan Lambir dan daripada jumlah itu 5,000 orang adalah pengundi berdaftar.

Tiada catatan mengenai asal usul kaum Kedayan ini tetapi menurut imam Kampung Satap, Bidin Lani, 52, orang Kedayan berasal dari Brunei yang berhijrah ke situ pada tahun 1920-an.

Penghijrahan ini dipimpin oleh Haji Dol Gapar, seorang ulama, dan daripada sebuah penempatan mereka berpecah sehingga kini terdapat 20 buah kampung Kedayan dalam kawasan Lambir.

Antara kampung yang besar ialah Kampung Kelulit, Kampung Selangau, Kampung Subak, Kampung Kejapil, Kampung Tiris, Kampung Sepurau, Kampung Satap dan Kampung Angus.

Kesemua orang Kedayan menganut agama Islam, mengamalkan cara hidup hampir sama dengan orang Melayu, dan rumah mereka pun mengikut reka bentuk rumah orang Melayu Sarawak.

Bahasa pertuturan mereka juga 90 peratus menggunakan perkataan Melayu dengan nada yang sama seperti pertuturan orang Brunei atau orang Melayu Sabah yang banyak menggunakan akhiran "bah" setiap kali mengakhiri satu-satu ayat.

Oleh kerana bilangan yang kecil berbanding kaum-kaum lain di negeri ini dan mengamalkan cara hidup orang Melayu, orang Kedayan dirujuk sebagai orang Melayu dalam senarai pecahan undi sesuatu kawasan pilihan raya.

Kerusi Lambir mempunyai 19,489 pengundi, yang terdiri 9,837 Melayu/Melanau, 3,389 Cina, 6,075 Iban dan 178 lain-lain. Kaum Kedayan meliputi 50 peratus yang disenaraikan di bawah Melayu/Melanau.

Oleh kerana bilangan yang banyak ini, mereka adalah kunci kepada kemenangan calon yang akan bertanding di Lambir dalam pilihan raya itu.

Tiga calon yang nasib mereka akan ditentukan oleh pengundi Kedayan ialah Aidan Wing dari Barisan Nasional, Mohdar Ismail dan Janting anak Jawa, kedua-duanya Bebas.

Kawasan Lambir mempunyai rentetan politik pelbagai warna dengan wakil rakyat kawasan ini sentiasa bertukar ganti antara pembangkang dengan Barisan Nasional (BN).

Pada pilihan raya 1987, kawasan itu jatuh ke tangan calon dari parti Permas pimpinan bekas Yang Dipertua Negeri dan Ketua Menteri Tun Abdul Rahman Yakub apabila Datuk Salleh Jafaruddin menewaskan calon BN Usop Sani Wahab.

Usop berjaya merampas semula kerusi itu tahun 1991 tetapi kali ini memberi laluan kepada muka baru Aidan Wing, bekas pengurus bank. Saingan sengit bagi Aidan dijangka diberikan oleh Mohdar, seorang anak tempatan Lambir.

Isu yang boleh memikat pengundi Kedayan ialah pembangunan, kemudahan asas untuk kampung, perkhidmatan yang boleh diberikan selepas menang selain kekuatan personaliti calon.

Hasan bagaimanapun berkata kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik masih segan untuk menjenguk kampungnya yang terletak 20 km dari Pekan Bekenu, antara pekan utama di kawasan Lambir.

Satu-satunya cara untuk pergi ke Kampung Opak ialah menggunakan jalan tanah merah yang dibina oleh syarikat kuari yang beroperasi tidak jauh dari kampungnya.

"Jika hujan lebat dua tiga hari, hubungan kami dengan dunia luar terputus dan kami tidak boleh pergi ke kedai, klinik dan membereskan segala urusan yang perlu di pekan," katanya.

Kanak-kanak dari Kampung Opak pula terpaksa berjalan meredah hutan dan dusun selama sejam untuk pergi ke sekolah yang paling hampir iaitu di Kampung Satap dan Kampung Selangau.

"Kampung kami juga jarang dijenguk oleh wakil rakyat... Ahli Parlimen Peter Chin (Timbalan Menteri Perumahan dan kerajaan Tempatan) tidak pernah datang ke sini walaupun sudah empat penggal dipilih sementara ADUN Usop Sani Wahab pula hanya sekali dalam tempoh dua penggal.

"Namun kami tetap mengharap pada masa depan kampung ini mempunyai segala kemudahan supaya generasi akan datang dapat hidup lebih selesa di sini," katanya.

"Soal pelajaran anak-anak, pengekalan adat resam dan budaya kehidupan, tanah adat yang masih terbiar, biasiswa untuk anak belajar ke universiti dan sebagainya lagi turut menentukan undi kaum Kedayan," katanya.

Dalam masih meraba-raba inilah lawatan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud pada 30 Ogos lepas bagi merasmikan bangunan Majlis Daerah Subis membawa harapan besar kepada kaum Kedayan di Lambir.

Pada majlis itu beliau mengumumkan penubuhan Lembaga Amanah Kebajikan Kedayan Sarawak (LAKKS) dan meluluskan peruntukan segera sebanyak RM50,000 kepada lembaga itu.

Peruntukan itu khas bagi mengadakan kelas tambahan sains dan matematik bagi anak-anak kaum Kedayan supaya mereka boleh menguasai kedua-dua mata pelajaran yang amat penting bagi menentukan kejayaan seseorang pelajar.--BERNAMA

MT MAI